



MALAYSIAKINI

Menarik di dalam:



Muka 6



Muka 8



Muka 9

Minggu 8-12 Oktober 2008

Edisi 0016

Aidilfitri Mubarak

Hari Raya Aidilfitri disambut pada 1 Syawal tahun Hijrah. Perayaan ini juga dikenali sebagai Hari Raya Puasa, Hari Raya Fitrah, dan Hari Lebaran. Hari Raya Aidilfitri merupakan perayaan yang dirayakan oleh umat Islam di seluruh dunia bagi menandakan berakhirnya bulan Ramadhan. Ia merupakan antara dua perayaan terbesar bagi

umat Islam, selain Hari Raya Korban.



Hari Raya Puasa bermula melalui dua cara; iaitu melalui rukyah (melihat anak bulan) ataupun secara hisab

(kiraan). Sekiranya melalui rukyah, apabila anak bulan kelihatan, ini menandakan bermulanya bulan Syawal, iaitu bulan ke-10 dalam Takwim Hijrah Islam. Di Malaysia, anak bulan akan diperhatikan oleh pegawai bertugas pada sebelah petang hingga waktu maghrib di beberapa tempat strategik.

Kandungan

Raya Bersama Artis	2
Kampung atau Bandar?	2
Erti Sebenar Raya	6
Resepi Rendang Ayam	8
Kuih Jelma Raya Johor	9

Zakat fitrah dan takbir

Perayaan Hari Raya Puasa merupakan berakhirnya tempoh untuk membayar zakat fitrah iaitu zakat yang dikenakan kepada mereka yang masih hidup sehingga masa itu. Kebiasaannya orang Islam juga akan mula membayar zakat fitrah semenjak bulan puasa bermula dan zakat fitrah ini akan berhenti dikutip apabila solat sunat Aidilfitri dimulakan.

Apabila tarikh Hari Raya telah ditentukan, umat Islam akan bertakbir dan bertahmid sambil memuji kebesaran Allah. Tempoh bertakbir bagi Hari Raya Aidilfitri adalah antara terbenamnya matahari(hari terakhir bulan Ramadan) sehingga solat sunat Hari Raya Aidilfitri bermula pada pagi 1 Syawal tahun Hijrah.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

MalaysiaKini®

Mohd Hanif b. Zinaldin

Siti Nasuha bte Shukor

Ameerul Aswad b. AAziz

PISMP-IPG 2A,

Institut Perguruan Bahasa Melayu Malaysia,

Lembah Pantai, 59990 Kuala Lumpur.

KAMI MEMBERIKAN INFORMASI TERBAIK:

Phone: 012-5540517

Fax: 012-7696997

E-mail: hanifisme@gmail.com

Web:

http://bme3103hanif.tripod.com

Persiapan Aidilfitri

Di Malaysia, Hari Raya Aidilfitri disambut dengan meriah. Berminggu-minggu sebelum perayaan tersebut menjelma, suasana persiapan menjelang Aidilfitri telah dirasai. Pusat-pusat membeli-belah akan mengadakan jualan murah dan dihiasi dengan perhiasan secara besar-besaran. Lagu-lagu raya juga akan diputarkan di radio dan di televisyen. Rancangan-rancangan yang berkisarkan Aidilfitri akan ditayangkan.



Bank, sekolah, dan premis-premis perniagaan akan ditutup selama beberapa hari sehingga seminggu sempena Aidilfitri.

Di jalan raya utama dan lebuhraya di seluruh negara, kesesakan akan berlaku akibat kebanjiran warga bandar yang pulang ke kampung halaman untuk menyambut Aidilfitri bersama-sama sanak saudara dan kaum keluarga. Fenomena ini juga dikenali sebagai Balik Kampung.


Amalan Lazim

Antara amalan yang dilakukan pada Hari Raya Aidilfitri ialah amalan berziarah. Amalan ini adalah bertepatan dengan suruhan agama Islam itu sendiri. Pada pagi Hari Raya Aidilfitri (selalunya sebelum dan sejurus sesudah menunaikan solat sunat Hari Raya Aidilfitri), umat Islam yang telah kehilangan saudara-mara akan mengunjungi pusara mereka dan menghendahkan Surah Al-Fatihah atau bacaan surah Yaasin.

bermaaf-maafan, dan hari untuk mengeratkan tali persaudaraan di kalangan umat Islam di samping meraikan kejayaan beribadah kepada Allah.

Amalan memberi wang kepada kanak-kanak juga amat popular pada Hari Raya. Duit raya selalunya diberikan oleh orang dewasa kepada kanak-kanak melalui sampul duit yang selalunya berwarna hijau dan kuning.

Pada malam Tujuh Likur (malam 27 Ramadan), pelita atau lampu minyak tanah akan dinyalakan terutamanya di kampung-kampung. Kadangkala pelita akan digantikan dengan penggunaan lampu elektrik kerana ia lebih bersih



Kemudian mereka akan berkunjung ke rumah sanak saudara dan rakan taulan. Mereka akan bermaaf-maafan dan melupakan kesilapan yang lampau. Pada asasnya, Hari Raya adalah hari untuk bergembira,

Rumah-rumah terbuka akan diadakan pada Hari Raya itu sendiri ataupun sepanjang dan praktikal, namun keaslian sambutan Hari Raya selalunya akan berkurang dengan penggunaan ini.

Kemeriahan Hari Raya Aidilfitri selalunya akan berpanjangan sehingga sebulan, dan kemeriahan itu akan hilang dengan sendirinya apabila semua orang pulang ke bandar setelah

Karya Kreatif

Fitri Datang Lagi

Masih Ingatkah kasarku padamu?

Masih ingatkah saat kusakiti hatimu?

Di hari fitri ini kuhadiahkan

Penghapus untuk hapuskan kesalahanku

Kacamata hitam untuk melupakan sakit hatimu

Seperti maafmu

Membawaku kembali fitri..

Karya: Muhamad

Ku Pinta Maafmu

Bila aku diberi anugerah hujan dari langit

Atau hujan maaf dari sahanat

Dengan senag hati aku memilih maafmu

Jangan biarkan tidurku tidak nyenyak

Jangan biarkan makanku tidak enak

Jangan biarkan hari-hariku sesak

Menanti kata maaf darimu..

Karya: Syahrul

